# TAN SRI DATUK ABDUL HAMID EGOH

*A Super Administrator and Constitutional Lawyer*

# TAN SRI DATUK ABDUL HAMID EGOH

## *A Super Administrator and Constitutional Lawyer*

ARSIAH BAHRON
DATU RAZALI DATU ERANZA
SYED AZIZI WAFA SYED KHALID WAFA

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia
http://www.ums.edu.my
2013

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

**© Universiti Malaysia Sabah, 2013**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

| | |
|---|---|
| Muka taip teks: | Calibri |
| Saiz taip teks dan *leading*: | 11/14 poin |
| Diterbitkan oleh: | Penerbit Universiti Malaysia Sabah<br>Tingkat Bawah, Perpustakaan<br>Universiti Malaysia Sabah<br>Jalan UMS<br>88400 Kota Kinabalu, Sabah. |
| Dicetak oleh: | Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.<br>Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial Centre,<br>Lorong Buah Salak 5, 11.2 km, Jalan Tuaran,<br>88450 Kota Kinabalu, Sabah. |

**Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh**

Buku ini diterbitkan sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) kepada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh di Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah ke-15 pada 23 November 2013.

Anugerah ini dikurniakan sebagai tanda penghargaan UMS atas sumbangan beliau dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di UMS khasnya dan negeri Sabah amnya.



**Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh**
P.S.M., P.N.B.S., S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., A.M.N., J.P.

# KANDUNGAN


*Penghargaan*

*Prolog*

| | |
|---|---|
| Sejarah Awal | 1 |
| Meneruskan Zaman Persekolahan | 4 |
| Permohonan Biasiswa Kali Kedua | 8 |
| *Sabah Times*, 21 Februari 1961- “Abdul Hamid Does Well” | 11 |
| Perkhidmatan dalam Kerajaan Negeri Sabah | 13 |
| Pascapersaraan | 19 |
| Tan Sri Datuk Abdul Hamid Pemimpin Berkarisma | 29 |
| Penutup | 31 |

*Rujukan*

*Biodata Ringkas*

*Lampiran*

// PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan yang istimewa dipersembahkan kepada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh yang telah sudi berkongsi cerita, kisah dan pengalaman hidup beliau semenjak zaman kanak-kanak hingga ke pascapersaraan. Terima kasih juga diucapkan kerana beliau sudi meminjamkan gambar, buku dan surat koleksi peribadinya untuk dijadikan bahan penulisan dan rujukan para penulis.

Penulisan biodata ini juga telah mengadaptasi penulisan Madam Susan Jill-Shea yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1990, terutamanya pengisahan awal riwayat hidup Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh. Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada beliau dan editor buku tersebut, Madam Patricia Regis.

Penghargaan juga ditujukan kepada Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pegawai utama UMS atas sokongan yang diberikan sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Rakaman terima kasih turut diucapkan kepada Bahagian Perhubungan Korporat, UMS atas sumbangan gambar-gambar untuk dimuatkan dalam buku ini.

Akhir kata, para penulis ingin memohon kemaafan atas segala kesilapan dan kekurangan yang terdapat dalam penulisan buku biodata yang sangat bermakna ini.

Sekian, terima kasih.

Arsiah Bahron, DBA
Datu Razali Datu Eranza
Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, DBA
**Sekolah Perniagaan dan Ekonomi**
**Universiti Malaysia Sabah**
**November 2013**

# PROLOG

*It is with an earnest and ardent enthusiasm that, I Abdul Hamid Egoh, a rightful and lawful youth of this colony hereby humbly and respectfully notify my intention to apply for a Colombo Plan Scholarship which I understand is generously offered to all ambitious and promising young men.*

*This Colony, as most of the countries in the world no doubt, needs the services of her youth tremendously. As is naturally found in the attitude of the modern young man, I realize that it is my duty to serve this Colony to the best of my ability and potentiality.*

*Furthermore this Colony is lacking in qualified and trained officers who, of course, are urgently needed in order to steer the helm of the Administration and to see its general welfare. Besides there are many things which require improvement and encouragement such as: the promotion of culture, the creation of unity and the general well-being of this Colony. And to some extent, officers who understand and have a thorough knowledge of the customs and folk-lore of local peoples are imperatively essential, especially in forming a liaison between the Government and the public.*

*With reference to the above reasons I fervently pray that I may be awarded this coveted offer so that I could be better fitted to render my services to the Government of this Colony, in particular and to the local residents generally. I strongly believe that, when I have acquired the necessary qualifications in Public Administration I might be more useful to this Colony and its people.*

*Should my aptitude meet with favour I would like to undergo a University course for law training which I strongly believe would facilitate my public duties. My preference to law is due to my keenness to serve in the Administration and in the public interest. In fact it has been my first and foremost interest since I was first at school.*

*I am confident that, should I be given the opportunity to further my study and to develop my character and general ability, I will prove myself to be of value both to the Government and the local people. With the qualifications that I am now seeking and added*

*to this knowledge of Mohammadan law and the local "Adat", I would do well in the administrative work especially dealing with the Malay people and the local tribes.*

*Since the Colombo Plan came into being, most of the recipients were non-natives; as this is factual, it is then lawful for me now to be given one especially considering that I am the first eligible local Malay candidate of suitable age and necessary qualifications to make this application.*

*Should my humble application be approved, I solemnly and sincerely declare that I will bind myself and apply myself with utmost power and diligence to the studies of the said course and upon completion I will serve Government with honesty, obedience and faithfulness. I lastly beg that my nobble ambition be entertained with special favour and consideration.*

Demikian bahasa dan kandungan penulisan fasih surat permohonan biasiswa untuk pengajian perundangan yang pernah dibuat oleh seorang insan muda ketika zaman kolonial pada tahun 1956. Meskipun permohonannya ditolak pada tahun tersebut atas alasan munasabah kerana masih lagi baharu dalam perkhidmatan pada ketika itu, ia tidak memadam semangat dan azam pemuda tersebut sehingga beliau menjadi penerima pertama biasiswa di bawah Colombo Plan, menjadi seorang anak Sabah yang unggul dan antara yang paling berjaya dalam sejarah kejayaan anak-anak Sabah. Beliau yang dimaksudkan adalah **Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh**.

Kisahnya, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh telah merentasi pelbagai zaman yang berbeza – zaman pentadbiran British sebelum Perang Dunia Kedua, zaman penjajahan tentera Jepun, zaman pentadbiran semula British pasca Perang Dunia Kedua, zaman kemerdekaan, sehinggalah zaman teknologi maklumat yang berasaskan cendekiawan teknologi digital. Perjuangannya mengharumkan nama baik Sabah dan memangkin pentadbiran ke arah kecekapan dan keberkesanan seharusnya dikongsi bersama anak-anak muda generasi masa sekarang agar dijadikan iktibar dan semangat betapa indah dan berharganya Sabah dan Malaysia pada hari ini.

Buku biografi ini adalah kisah ringkas yang perlu dikongsi oleh semua pembaca. Ia menggambarkan betapa sukarnya mendapatkan ilmu, mencari dan meminta, kemudian diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan betapa pentingnya ilmu bagi seseorang yang ingin memartabatkan bangsa, agama dan negara.

Para pembaca sekalian akan dapat merasakan betapa ketekunan dan keazaman Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh yang telah hidup merentasi berbagai-bagai zaman akhirnya mampu meletakkan dirinya pada tingkat tertinggi dalam perkhidmatan awam negeri Sabah. Perjuangan kemerdekaan untuk diri dan negerinya perlu menjadi iktibar dan panduan kepada generasi muda pascamerdeka agar memahami, sekali gus menghayati erti sebenar kemerdekaan.